



## Danga Bay - mercu tanda pembangunan Johor Bahru



### Danga Bay - kebanggaan JB

Siapa sangka Pantai Lido di Selat Tebrau kini sudah betukar imej menjadi menjadi satu kawasan komersial terancang sekali gus tanda baru bagi Johor Bahru.

Dikenali sebagai Danga Bay, Pantai Lido yang sebelum ini terhad sebagai kawasan riadah sederhana berjaya dinaikkan taraf menjadi taman pesisiran pantai yang dilengkapi kemudahan bercirikan moden dan futuristik.

Danga Bay yang meliputi kawasan seluas 540 hektar, dilengkapi pembangunan taman rekreasi awam, kompleks beli belah, pejabat dan komersial, penempatan eksklusif serta kawasan pejalan kaki sepanjang 3 km.

Lokasinya yang strategik dan berhampiran beberapa projek mega seperti Bandar Nusajaya dan Laluan Kedua Johor-Singapura, Danga Bay memanfaatkan sepenuhnya kemudahan laluan air di Sungai Skudai, Danga serta Selat Tebrau yang memisahkan Johor dan Singapura.

Danga Bay mempamerkan 3 elemen penting iaitu, destinasi rekreasi, kebudayaan dan medan selera untuk rakyat Johor mahupun pelancong asing ke Johor Bahru. Danga Bay bukan sahaja mampu menarik pelancong tetapi merupakan mercu tanda baru bagi Johor Bahru. Apabila memperkatakan Danga Bay, ia pasti mercu tanda Johor Bahru.

Kegigihan dan ketabahan Dato' Ghani Othman semasa merancang projek ini perlu disanjung tinggi. Beliau bukan sahaja dapat menghadapi cabaran dari rakyat Johor tetapi dapat menangkis isu pembangkang dimana prancangan projek ini menjadi satu isu yang begitu kontroversi di Johor.

Setelah ianya siap, terbukti Kerajaan Johor bukan sahaja mampu melaksanakan projek-projek besar untuk industri pelancongan Johor tetapi juga dapat dimanfaatkan oleh rakyat Johor sendiri. Dengan tersergam indah projek Danga Bay ini, ia mampu menjadi bonus terbesar kepada kepimpinan Kerajaan Johor didalam menghadapi pilihanraya umum akan datang. Dan rakyat Johor berkeyakinan bahawa projek yang dilaksanakan juga dapat dinikmati oleh rakyat Johor

---

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima  
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.